

**SULIT**

**Nama Pelajar :** .....

**Tingkatan :** .....

**NAMA SEKOLAH**

**PERCUBAAN SPM 2023**

**EKONOMI**

**Kertas 1**

**Oktober**

**1 ¼ jam**

**3767/1**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru. Dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifiik.*


---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

1. Apakah tujuan isi rumah membuat pilihan apabila memilih sesuatu barang?
  - A Untuk memenuhi keperluan
  - B Untuk memaksimumkan jualan barang
  - C Untuk meningkatkan pengeluaran barang
  - D Untuk memenuhi kepuasan yang maksimum
  
2. Antara berikut, yang manakah menunjukkan andaian keluk kemungkinan pengeluaran?
  - I Ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh
  - II Ekonomi hanya mengeluarkan dua jenis barang
  - III Faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya
  - IV Tingkat teknologi yang digunakan semakin tinggi
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
  
3. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada “**untuk siapa hendak dikeluarkan**” dalam penyelesaian masalah asas ekonomi?
  - I Jenis barang
  - II Agihan barang
  - III Agihan pendapatan
  - IV Teknik pengeluaran
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Ekonomi K1 Trial Putrajaya 2023

4. Pernyataan manakah berkaitan dengan konsep sistem ekonomi Islam?
- A Kepentingan individu lebih diutamakan
  - B Wujud persaingan yang adil antara pengeluar
  - C Sasaran pengeluaran berdasarkan agihan pendapatan
  - D Individu dan pihak swasta bebas membuat keputusan ekonomi
5. Apakah penentu yang mempengaruhi permintaan individu?
- A Jenis barang
  - B Matlamat firma
  - C Harga barang itu
  - D Tingkat teknologi
6. Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.



Rajah 1


Penentu yang manakah menyebabkan peralihan keluk dari  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$ ?

- A Penurunan dalam cita rasa pengguna
- B Peningkatan harga barang pengganti
- C Jangkaan harga akan jatuh pada masa depan
- D Peningkatan kadar cukai pendapatan perseorangan

7. Faktor yang manakah merupakan faktor penentu penawaran?

- I Promosi
  - II Cita rasa
  - III Matlamat pengeluar
  - IV Harga faktor pengeluaran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


8. Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran durian.



Rajah 2

Jika titik koordinat asal ialah X, antara titik **A**, **B**, **C** dan **D** yang manakah titik koordinat baharu bagi durian apabila tiba musim durian.

9. Rajah 3 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran suatu barang.



Rajah 3

Apakah yang akan berlaku apabila harga naik lebih tinggi daripada  $P_0$ ?

- A Berlaku lebihan permintaan pasaran
- B Tingkat harga akan cenderung naik lagi
- C Kuantiti permintaan pasaran kurang daripada kuantiti penawaran pasaran
- D Kuantiti penawaran pasaran kurang daripada kuantiti permintaan pasaran

10. Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi dua jenis barang.

Barang	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta	Peratus Perubahan Harga
X	20	10
Y	10	15

Jadual 1

Apakah jenis keanjalan harga permintaan bagi Barang X dan Barang Y?

	Barang X	Barang Y
A	Anjal	Tidak anjal
B	Tidak anjal	Anjal
C	Anjal	Anjal
D	Tidak anjal	Tidak anjal

11. Pernyataan yang manakah betul tentang keanjalan harga penawaran?

- A Contoh barang anjal ialah kelapa sawit
- B Barang anjal mempunyai pekali lebih besar daripada satu
- C Dalam jangka masa panjang penawaran adalah tidak anjal
- D Mengukur peratus perubahan harga yang ditawar kesan daripada peratus perubahan kuantiti

12. Jika penurunan harga sesuatu barang daripada RM5.00 kepada RM4.00 menyebabkan penawaran berkurang sebanyak 30%, berapakah nilai keanjalan harga penawaran?

- A 0.7
- B 0.8
- C 1.5
- D 1.7

13. Mengapakah pekerjaan dalam sektor utama kurang diminati?

- I Upah tidak tetap
  - II Faedah sampingan terhad
  - III Memerlukan kelayakan akademik
  - IV Memerlukan kemahiran yang tinggi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

14. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis pendapatan individu.

X merupakan ganjaran kepada pemilik faktor tanah

Apakah ganjaran X?

- A Upah
- B Sewa
- C Faedah
- D Untung

15. Mengapakah usahawan menerima untung?

- A Melabur dalam saham
- B Sumbangan tenaga fizikal
- C Tanggungan risiko dan daya usaha
- D Menangguh penggunaan wang yang dipinjamkan

16. Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Encik Hamid bagi tempoh sebulan .

<b>Butiran</b>	<b>RM</b>
Zakat	200
KWSP	360
Dividen	520
Derma	120
Cukai pendapatan	170

Berapakah jumlah potongan wajib bagi Encik Hamid?

- A RM 730
- B RM 850
- C RM 1250
- D RM 1370

17. Antara berikut yang manakah akan meningkatkan perbelanjaan penggunaan.

- I Kerajaan membeku kenaikan gaji kakitangan kerajaan
  - II Kadar cukai pendapatan perseorangan akan bertambah
  - III Pasar raya menjalankan promosi besar-besaran di gudangnya
  - IV Golongan berpendapatan rendah menerima bantuan daripada kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

18. Apakah langkah yang wajar dalam penyediaan belanjawan peribadi?

- I      Mencatat semua perbelanjaan
  - II     Mengenalpasti punca pendapatan
  - III    Menyusun perbelanjaan mengikut kehendak
  - IV    Imbangkan agar perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna
- A    I dan II
  - B    I dan IV
  - C    II dan III
  - D    III dan IV

19. Antara berikut yang manakah kombinasi yang betul?

	<b>Jenis pelaburan</b>	<b>Tahap risiko</b>	<b>Tahap pulangan</b>	<b>Tahap kecairan</b>
A	Sekuriti Kerajaan	Rendah	Rendah	Sederhana
B	Saham Syarikat	Tinggi	Tinggi	Tinggi
C	Unit Amanah	Rendah	Rendah	Tinggi
D	Hartanah	Rendah	Tinggi	Tinggi

20. Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan input berubah dalam pengeluaran jangka masa pendek?

- I      Contohnya ialah buruh dan bahan mentah
  - II     Tetap wujud walaupun keluaran adalah sifar
  - III    Berubah secara langsung dengan jumlah keluaran
  - IV    Jumlahnya tetap dalam pengeluaran jangka masa panjang
- A    I dan II
  - B    I dan III
  - C    II dan III
  - D    III dan IV

21. Maklumat yang berikut berkaitan dengan output dan kos bagi firma S&S.

Output	:	120 unit
Kos purata	:	RM1.50
Kos tetap	:	RM60

Hitung kos berubah purata bagi firma tersebut.

- A RM180
- B RM150
- C RM1.50
- D RM1.00

22. Apakah faktor yang mempengaruhi produktiviti dalam ekonomi?

- I teknologi
  - II jenis milikan
  - III saiz organisasi
  - IV struktur organisasi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23. Maklumat di bawah berkaitan dengan projek yang dijalankan oleh kerajaan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan tiga projek laluan berbasikal sepanjang 11.5 km membabitkan laluan dari Midvalley ke Dataran Merdeka sepanjang 5.5 km, Wangsa Maju dan Taman Melati sepanjang 4 km serta Taman Batu Muda sepanjang 2 km dengan anggaran kos sebanyak RM3 juta.

Apakah faedah sosial yang diperolehi daripada projek di atas?

- A pengurangan pencemaran air
- B pengurangan kesesakan lalu lintas
- C penurunan kos pembinaan jalan raya
- D pengurangan kadar kemalangan yang membabitkan basikal

24. Apakah objektif makroekonomi negara?

- A Kos pengeluaran negara meningkat
- B Kadar pengangguran lebih daripada 4%
- C Mencapai keseimbangan pasaran dalam ekonomi
- D Tingkat harga umum tidak naik secara berterusan

25. Apakah kesan apabila kadar faedah dinaikkan?

- A Kos pinjaman berkurangan
- B Jumlah pinjaman akan berkurang
- C Pendapatan negara akan bertambah
- D Bekalan wang dalam pasaran bertambah

26. Maklumat yang berikut menunjukkan keadaan inflasi.

- Harga faktor pengeluaran meningkat
- Kuasa beli jatuh

Apakah jenis inflasi tersebut?

- A Inflasi eksport
- B Inflasi tolakan kos
- C Inflasi tarikan penawaran
- D Inflasi tarikan permintaan

27. Bagaimanakah pengiraan Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) dapat membantu pembangunan sesebuah negara?

- A Kerajaan dapat menetapkan inflasi
- B Kerajaan dapat menetapkan kadar pertukaran asing
- C Kerajaan dapat mengukur kadar pertumbuhan ekonomi
- D Kerajaan dapat mengukur kadar pertumbuhan penduduk di sesebuah negara

28. Peningkatan pertumbuhan ekonomi di Malaysia akan membawa kepada

- I      peningkatan infrastruktur fizikal
  - II     peningkatan kadar pengangguran
  - III    peningkatan bilangan kakitangan awam
  - IV    peningkatan taraf pendidikan penduduk di Malaysia
- A     I dan II
  - B     I dan IV
  - C     II dan III
  - D     III dan IV

29. Apakah tujuan kerajaan menggunakan dasar fiskal mengembang dalam ekonomi?

- A     Menambah permintaan wang
- B     Menambah peluang pekerjaan
- C     Mengurangkan masalah inflasi
- D     Mengurangkan permintaan agregat

30. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang perbelanjaan mengurus?

- I     Puan Siti Hajar menerima pencecang bulanan sebanyak RM2500
  - II    Kerajaan membesarca pelabuhan perikanan di Tok Bali Kelantan
  - III   Kementerian Pendidikan membina sebuah sekolah menengah di Taiping, Perak
  - IV   Encik Ali bekerja sebagai kerani dan menerima gaji setiap bulan sebanyak RM3 500
- A     I dan II
  - B     I dan IV
  - C     II dan III
  - D     III dan IV

31. Bank pusat bercadang untuk menjual surat jaminan kerajaan yang bernilai RM5 bilion pada tahun ini. Tindakan bank pusat ini akan menyebabkan

- A     guna tenaga meningkat
- B     pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat
- C     aliran wang dalam pasaran negara akan berkurang
- D     tingkat harga umum meningkat disebabkan peningkatan kuasa beli pengguna

32. Mengapakah kebanyakan negara terlibat dalam perdagangan antarabangsa?

- A Iklim dan tanah yang sama
- B Kehendak pengguna sentiasa tidak terbatas
- C Nilai mata wang lebih rendah berbanding negara lain
- D Upah buruh dalam negara lebih murah dari negara import

33. Apakah kesan negatif daripada wujudnya pelaburan asing di Malaysia?

- A Imbangan pembayaran memberi kesan positif
- B Penerokaan dan pengeluaran sumber alam yang boleh dikawal
- C Syarikat-syarikat gergasi akan menguasai sektor-sektor yang menguntungkan
- D Negara yang menerima pelaburan asing senang mengawal aliran keluar untung

34. Situasi yang manakah dapat memperbaiki imbangan pembayaran Malaysia?

- A Atlet negara menyertai Temasya Sukan Sea di Thailand
- B Pekerja Malaysia di Singapura mengirim wang ke Malaysia
- C Firma Malaysia membuat pelaburan dalam bidang hartanah di Malaysia
- D Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia membayai pelajar melanjutkan pelajaran ke luar Negara

35. Situasi yang manakah akan berlaku jika kadar faedah terus diturunkan ketika masalah pengangguran sudah dapat diatasi?

- I Pengangguran menjadi sifar
  - II Peningkatan tingkat harga umum
  - III Penawaran guna tenaga meningkat
  - IV Permintaan agregat terus meningkat
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

**Soalan 36 hingga soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

36. I      Jika sesuatu barang mempunyai banyak kegunaan, maka permintaannya adalah anjal.  
       II     Jika sesuatu barang mempunyai tahap ketagihan yang tinggi, permintaannya adalah anjal.
37. I      Bank pusat tidak mengawal kestabilan nilai mata wang.  
       II     Bank pusat berperanan sebagai jurubank kepada Kerajaan.
38. I      Akaun imbangan pembayaran melibatkan rekod butiran debit dan kredit.  
       II     Imbangan pembayaran terdiri daripada tiga komponen utama iaitu akaun modal, akaun semasa dan akaun kewangan.
39. I      Perubahan nilai Ringgit Malaysia daripada RM5.65 kepada RM5.45 bagi seunit Pound Sterling menunjukkan bahawa nilai Ringgit Malaysia telah menurun.  
       II     Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia menyebabkan harga barang eksport secara relatif lebih mahal.
40. I      Kenaikan dan kejatuhan kadar pertukaran asing bergantung kepada keadaan permintaan dan penawaran sesuatu mata wang di pasaran pertukaran asing.  
       II     Perubahan kadar pertukaran asing bagi sesuatu mata wang akan mendatangkan kesan terhadap eksport dan import negara yang berkenaan.

### KERTAS SOALAN TAMAT

Semoga berjaya dari telegram@soalanpercubaanspm